

RM82,000 habuan Tanjung leman

2011/04/16



SA'ARI mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Induk Karnival GP Joran Tanjung Leman 2011 di Hotel Puteri Pacific, Johor Bahru, minggu lalu.

TARIKH 7 dan 8 Mei depan didapati sesuai memancing sekitar perairan Pulau Sibn dan beberapa pulau berdekatan Tanjung Leman, Mersing.

Meskipun cuaca sebelah malamnya dikatakan cepat berubah, namun keadaan sebelah siangny sesuai menduga ikan khususnya kalangan 700 peserta kategori laut dalam Karnival GP Joran Tanjung Leman 2011.

Pusingan pertama Karnival GP Joran Tanjung Leman 2011 kembali ke Tanjung Leman di Mersing, Johor pada 7 dan 8 Mei depan dengan menawarkan wang tunai keseluruhan bernilai RM82,000.

GP Joran anjuran Berita Harian pertama kali dianjurkan di situ pada 1998 dengan penyertaan lebih 800 peserta bagi kategori laut dalam.

Pertandingan anjuran Unit Joran Berita Harian dan Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) itu mendapat kerjasama Kerajaan Johor dengan menampilkan dua agensi iaitu Johor Corporation (JCorp) serta Damansara Assets Sdn Bhd sebagai penaja eksklusif.

Turut menyokong pertandingan tahun ke-14 di Mersing itu ialah Jabatan Pelancongan Negeri Johor dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Pengarah Jabatan Pelancongan Negeri Johor, Dr Sa'ari Md Nooh ketika mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Induk Karnival GP Joran Tanjung Leman 2011 di Hotel Puteri Pacific, Johor Bahru, minggu lalu diberikan taklimat pelbagai aspek oleh kira-kira wakil 41 agensi kerajaan negeri.

Hadir sama Pengarah Urusan Damansara Assets Sdn Bhd, Abdul Malek Talib dan Eksekutif Kanan Projek Khas Berita Harian, Mohd Zainudin Ismail.

Sementara itu, Zainudin meminta peserta Kategori Laut digalakkan membuat pendaftaran awal sebelum 2 Mei bagi mengelakkan kesulitan berikutan tempahan bot adalah terhad.

Katanya, langkah itu penting bagi memudahkan urus setia menempah lebih 80 bot untuk 700 peserta yang dijangka mengambil bahagian.

"Tahun ini, tiada alasan untuk mendaftar lewat kerana urusan pendaftaran bagi tahun ini dipermudahkan lagi dengan membenarkan semua peserta kategori laut dalam membuat bayaran terus ke dalam akaun Maybank bemombor 514105612981 atas nama Unit Joran Berita Harian," katanya.

Katanya, langkah mendaftar awal itu dapat membantu penganjur mengatasi kekurangan bot dan masalah teknikal lain berkaitan kategori laut dalam.

Tarikh tutup pendaftaran Kategori Laut pada 2 Mei 2011 (Isnin) manakala Kategori Pantai sehingga hari pertandingan pada 8 Mei (Ahad).

Juara Kategori Laut dan Kategori Pantai masing-masing akan membawa pulang wang tunai RM20,000; kedua RM10,000 manakala ketiga RM4,000 berserta hadiah iringan dari penaja.

Pertanyaan hubungi Unit Joran di talian 03-22822323 sambungan 4240 dan 4241 atau Umbai 013-3310166.